



NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TAMBAHAN KEPADA

WARTA KERAJAAN

BAHAGIAN II

Disiarkan dengan Kebenaran

SUPPLEMENT TO

GOVERNMENT GAZETTE

PART II

Published by Authority

Bahagian/Part II]

HARI RABU/WEDNESDAY 16th. FEBRUARY, 2011

[Bil./No. 4

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Bil. S 6

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH DAGING SEGAR, 2011

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

BAHAGIAN I

PERMULAAN

1. Gelaran dan gelaran panjang.
2. Tafsiran.
3. Perlaksanaan Perintah ini dan lantikan pegawai yang diberi kuasa dll.
4. Kad pengenalan hendaklah ditunjukkan.

BAHAGIAN II

**PENGIMPORTAN, PENGEKSPORTAN DAN PINDAH-KAPAL BAGI DAGING
DAN PRODUK DAGING**

5. Larangan ke atas pengeksportan atau pindah-kapal bagi daging atau produk daging tanpa lesen.
6. Larangan ke atas pengimportan, pengeksportan atau pindah-kapal bagi daging atau produk daging tanpa permit.
7. Permohonan untuk mendapatkan lesen dan permit dan pembaharuan lesen.
8. Penggantungan dan pembatalan lesen dan permit di bawah Bahagian II.
9. Rayuan di bawah Bahagian II.
10. Pemeriksaan daging atau produk daging apabila mengimport atau sebelum mengeksport.

BAHAGIAN III

PUSAT-PUSAT PENYEMBELIHAN

11. Penyembelihan binatang hendaklah dijalankan di pusat penyembelihan berlesen atau premis yang dibenarkan oleh Pengarah.
12. Permohonan bagi mendapatkan lesen dan permit dan pembaharuan lesen.
13. Penggantungan dan pembatalan lesen dan permit di bawah Bahagian III.
14. Rayuan di bawah Bahagian III.
15. Pemeriksaan *ante-mortem* dan *post-mortem*.
16. Pemilik dan penghuni pusat penyembelihan berlesen hendaklah memastikan bahawa binatang adalah sihat untuk disembelih.
17. Membubuh tanda, cap atau tag pada karkas.
18. Kuasa untuk melarang penyembelihan.
19. Kuasa untuk melarang penyiangan karkas.

BAHAGIAN IV

PENGUATKUASAAN

20. Kuasa untuk menutup pusat penyembelihan.
21. Kuasa untuk menghendaki pengemukaan dokumen dll.
22. Kuasa untuk memasuki dll.
23. Kuasa untuk menangkap.
24. Kuasa untuk menghendaki pemusnahan, rawatan atau pelupusan daging atau produk daging yang didapati berpenyakit atau tidak sesuai untuk makanan manusia.

BAHAGIAN VI

KESALAHAN-KESALAHAN

25. Penjualan daging atau produk daging.
26. Menghalang pegawai yang melaksanakan kewajipan.

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

27. Mengubah lesen, permit atau sijil.
28. Pengakuan palsu.
29. Kesalahan yang dilakukan oleh perkongsian, badan korporat dan ejen dan pekerja.

BAHAGIAN VI

AM

30. Perlucutan hak.
 31. Bentuk dan pengesahan notis dll.
 32. Ketidaktetapan dalam notis dll.
 33. Penyampaian notis dll.
 34. Batasan liabiliti.
 35. Keterangan.
 36. Komposisi kesalahan.
 37. Pengecualian.
 38. Peraturan-peraturan.
-

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH DAGING SEGAR, 2011

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Gelaran dan gelaran panjang.

1. (1) Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Daging Segar, 2011.

(2) Gelaran panjang Perintah ini adalah "Suatu Perintah untuk mengawalselia pengendalian binatang untuk disembelih dan pemprosesan, pembungkusan, pemeriksaan, pengimportan, pembahagian, penjualan, pindah-kapal dan pengeksportan daging dan produk daging dan bagi perkara-perkara yang berhubung dengannya atau bersampingan dengannya".

Tafsiran.

2. (1) Dalam Perintah ini, melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain —

"binatang" bermakna mana-mana burung atau mamalia;

"pemeriksa yang diberi kuasa" bermakna seseorang yang dilantik sedemikian di bawah bab 3(3) dan termasuk seseorang pegawai yang diberi kuasa;

"pegawai yang diberi kuasa" bermakna seseorang yang dilantik sedemikian di bawah bab 3(2);

"stor sejuk" bermakna mana-mana peti sejuk, peti dingin beku, bilik sejuk atau kemudahan sejuk lain yang digunakan untuk menyimpan daging atau produk daging dan termasuk mana-mana pengangkutan sejuk yang digunakan untuk mengangkut daging atau produk daging semasa menjalankan sebarang perdagangan atau perniagaan;

"pengangkutan" termasuk mana-mana pesawat udara, vesel, kereta api atau apa-apa alat rekaan lain, sama ada digerakkan secara mekanik atau pun selainnya, yang digunakan atau boleh digunakan sebagai cara pengangkutan di darat, air atau udara;

"Pengarah" bermakna Pengarah Pertanian dan Agrimakanan;

"penyakit" bermakna apa-apa penyakit binatang dan apa-apa penyakit lain yang mungkin menjangkiti manusia;

"pemeriksaan" termasuk analisis makmal;

"eksport" tidak termasuk membawa keluar dari Negara Brunei Darussalam apa-apa barang dalam transit atau apa-apa barang yang dipindah-kapal;

"barang-barang" bermakna binatang, daging dan produk daging;

"barang-barang dalam transit" bermakna barang-barang yang dibawa masuk ke Negara Brunei Darussalam semata-mata bagi maksud membawanya keluar dari Negara Brunei Darussalam dan pada setiap masa terus dalam pengangkutan yang membawanya ke Negara Brunei Darussalam;

"label" bermakna apa-apa bahan bertulis, bercetak, bergambar atau berperihalan lain yang akan digunakan atau dilekatkan pada atau dimasukkan dalam, atau yang disertakan dengan atau akan disertakan dengan, apa-apa daging, produk daging atau bungkus atau bekasnya;

"pemegang lesen" bermakna pemegang suatu lesen yang diberikan di bawah Perintah ini;

"daging" bermakna karkas atau mana-mana bahagiannya yang diperolehi dari binatang;

"produk daging" bermakna apa-apa produk atau produk sampingan daging yang dimaksudkan untuk makanan manusia;

"Menteri" bermakna Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama;

"penghuni" —

(a) berkenaan dengan mana-mana premis atau pengangkutan, bermakna orang yang menduduki premis atau pengangkutan itu atau yang menjaga, mengurus atau mengawalnya; dan

(b) berkenaan dengan mana-mana bahagian di mana-mana premis bahagian-bahagiannya yang bertalianan diduduki oleh orang-orang yang

berlainan, bermakna orang yang menduduki atau menjaga, mengurus atau mengawal bahagian itu;

"pegawai kastam" mempunyai makna sama seperti dalam Perintah Kastam, 2006 (S 39/06);

"pemilik" —

(a) berkenaan dengan mana-mana premis atau pengangkutan, bermakna orang yang pada masa itu menerima sewa premis atau pengangkutan itu sama ada atas akaunnya sendiri atau sebagai ejen atau pemegang amanah atau sebagai penerima, atau yang akan menerimanya jika premis atau pengangkutan itu disewakan atau dicarter; dan

(b) berkenaan dengan apa-apa daging, produk daging atau apa-apa barang lain yang dikenakan Perintah ini, termasuk orang yang merupakan pengirim atau penerima;

"pemegang permit" bermakna pemegang suatu permit yang diberikan di bawah Perintah ini;

"premis" termasuk rumah, bangunan, struktur, tanah, tenemen, easemen dan hereditamen bagi apa-apa pemegangan, sama ada terbuka atau tertutup, sama ada dibina atau tidak, sama ada awam atau persendirian, dan sama ada diselenggarakan atau tidak di bawah pihak berkuasa berkanun;

"proses" termasuk memotong dan penggunaan apa-apa cara pengilangan, pengawetan atau persediaan;

"bangunan pemprosesan" bermakna mana-mana kilang, loji atau premis lain di mana daging atau produk daging, mengikut mana yang berkenaan, diproses untuk diagihkan kepada pemborong atau peniaga runcit atau untuk dieksport;

"bekas", berkenaan dengan apa-apa daging atau produk daging, bermakna mana-mana bakul, karton, beg, kotak, paket atau barang yang mengandungi daging atau produk daging dan jika apa-apa bekas tersebut terkandung di dalam bekas lain termasuk bekas lain itu;

"menjual" bermakna menjual dengan cara urusniaga runcit atau borong dan termasuk barter, atau menawarkan atau cuba menjual, atau menerima, mendedahkan, menghantar atau menyerahkan untuk jualan, atau menyebabkan atau membenarkan untuk dijual, ditawarkan atau didedahkan untuk jualan;

"pusat penyembelihan" bermakna mana-mana pusat penyembelihan yang diisytiharkan sesuai untuk membekalkan daging halal mengikut *Hukum*

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Syara' di bawah aturan-aturan yang dibuat di bawah bab 16 dari Akta Daging Halal (Penggal 183);

"pindah-kapal" bermakna membawa masuk apa-apa barang ke dalam Negara Brunei Darussalam melalui darat, laut atau udara dari mana-mana tempat di luar Negara Brunei Darussalam dan selepas itu memindahkan barang-barang itu dari pengangkutan di mana ia dibawa masuk ke dalam Negara Brunei Darussalam dan —

(a) mengembalikannya ke pengangkutan yang sama itu; atau

(b) memindahkannya ke pengangkutan lain bagi maksud untuk dibawa keluar dari Negara Brunei Darussalam,

sama ada barang-barang itu dipindahkan secara langsung antara pengangkutan atau sama ada ia didaraskan dan disimpan di Negara Brunei Darussalam selepas ia dibawa masuk ke dalam Negara Brunei Darussalam, sementara menunggu barang-barang itu dibawa keluar dari Negara Brunei Darussalam;

"kenderaan" bermakna sebarang pengangkutan yang digunakan untuk membawa barang-barang melalui darat.

(2) Bagi maksud-maksud Perintah ini, apa-apa daging atau produk daging hendaklah dianggap sebagai rendah mutunya jika —

(a) ia tidak mematuhi standard sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Pengarah;

(b) ia mengandungi apa-apa kimia, dadah atau bahan lain yang menyebabkan daging atau produk daging itu memudaratkan kesihatan atau tidak sesuai untuk makanan manusia.

Perlaksanaan Perintah ini dan lantikan pegawai yang diberi kuasa dll.

3. (1) Pengarah hendaklah bertanggungjawab bagi perlaksanaan Perintah ini, tertakluk kepada sebarang arahan Menteri.

(2) Menteri boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, melantik sebilangan pegawai yang diberi kuasa, tertakluk kepada syarat-syarat sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Menteri, untuk menguatkuasakan peruntukan-peruntukan Perintah ini atau sebarang peraturan yang dibuat di bawahnya.

(3) Menteri boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, melantik sebilangan pemeriksa yang diberi kuasa, tertakluk kepada syarat-syarat sebagaimana yang mungkin

ditentukan oleh Menteri, untuk menjalankan sebarang pemeriksaan, penelitian dan perakuan ke atas apa-apa daging atau produk daging di bawah Perintah ini atau sebarang peraturan yang dibuat di bawahnya.

(4) Pengarah boleh mewakilkan perjalanan semua atau sebarang kuasa yang diberikan atau kewajipan yang dikenakan ke atasnya oleh Perintah ini kepada mana-mana pegawai yang diberi kuasa.

(5) Pengarah dan mana-mana pegawai yang diberi kuasa hendaklah dianggap sebagai kakitangan kerajaan dalam makna Kanun Hukuman Jenayah (Penggal 22).

Kad pengenalan hendaklah ditunjukkan.

4. (1) Tiap-tiap pegawai yang diberi kuasa, semasa menjalankan sebarang kuasanya atau melaksanakan sebarang kewajipannya di bawah Perintah ini, hendaklah mengisyiharkan jawatannya dan hendaklah apabila diminta, menunjukkan kepada mana-mana orang yang terhadapnya dia mengambil tindakan suatu kad pengenalan sebagaimana yang mungkin diarahkan oleh Pengarah, Pesuruhjaya Polis atau Pengawal Kastam untuk dibawa oleh seseorang pegawai yang diberi kuasa, pegawai polis atau pegawai kastam, mengikut mana yang berkenaan.

(2) Tidaklah menjadi suatu kesalahan bagi mana-mana orang untuk enggan mematuhi sebarang permohonan, permintaan atau perintah yang dibuat atau diberikan oleh seseorang pegawai yang diberi kuasa, pegawai polis atau pegawai kastam, mengikut mana yang berkenaan, jika pegawai itu enggan apabila diminta oleh orang itu untuk mengisyiharkan jawatannya dan menunjukkan kad pengenalannya.

BAHAGIAN II

PENGIMPORTAN, PENGEKSPORTAN DAN PINDAH-KAPAL BAGI DAGING DAN PRODUK DAGING

Larangan ke atas pengeksportan atau pindah-kapal bagi daging atau produk daging tanpa lesen.

5. (1) Tiada sesiapa pun boleh mengeksport atau memindah-kapal bagi apa-apa daging atau produk daging, kecuali di bawah dan menurut syarat-syarat, suatu lesen yang diberikan oleh Pengarah di bawah Bahagian ini.

(2) Mana-mana orang yang —

(a) mengeksport atau memindah-kapal apa-apa daging atau produk daging tanpa suatu lesen; atau

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

(b) tidak mematuhi sebarang syarat leseninya,

adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$50,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari 2 tahun atau kedua-duanya sekali dan, dalam hal sabitan kedua atau berikutnya, dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$100,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari 3 tahun atau kedua-duanya sekali.

Larangan ke atas pengimportan, pengeksportan atau pindah-kapal bagi daging atau produk daging tanpa permit.

6. (1) Dengan tidak menghiraukan peruntukan-peruntukan sebarang undang-undang bertulis, pemegang lesen tidak boleh mengimport apa-apa daging atau produk daging untuk dijual, dibekalkan atau diagihkan di Negara Brunei Darussalam melainkan jika daging atau produk daging yang menjadi konsainan itu dibungkus dan dilabel mengikut cara yang ditetapkan.

(2) Pemegang lesen tidak boleh mengeksport apa-apa daging atau produk daging ke mana-mana negara, wilayah atau tempat lain melainkan jika —

(a) pemegang lesen telah memperolehi suatu permit daripada Pengarah berkaitan dengan setiap konsainan daging atau produk daging yang akan dieksport olehnya dan pengeksportan setiap konsainan tersebut dilaksanakan menurut syarat-syarat permit itu;

(b) seluruh konsainan yang akan dieksport menepati perihalan yang terkandung dalam permit itu;

(c) daging atau produk daging yang menjadi konsainan itu telah diperolehi daripada binatang yang telah disembelih di sesebuah pusat penyembelihan atau daripada daging atau produk daging yang telah diimport menurut Akta Daging Halal (Penggal 183);

(d) daging atau produk daging yang menjadi konsainan itu telah diproses di sesebuah bangunan pemprosesan yang dilesenkan di bawah Akta Lesen Rampaian (Penggal 127);

(e) dalam hal suatu konsainan yang perlu disimpan di dalam sebuah stor sejuk, stor sejuk di mana konsainan itu telah atau sedang disimpan adalah dilesenkan di bawah Akta Lesen Rampaian (Penggal 127);

(f) pemegang lesen memberi keterangan yang memuaskan kepada Pengarah bahawa seluruh konsainan memenuhi kehendak-kehendak negara, wilayah atau tempat di mana ia dieksport; dan

(g) daging atau produk daging yang menjadi konsainan itu dibungkus dan dilabel mengikut cara yang ditetapkan.

(3) Pemegang lesen tidak boleh memindah-kapal apa-apa daging atau produk daging di Negara Brunei Darussalam melainkan jika pemegang lesen telah memperolehi suatu permit daripada Pengarah berkaitan dengan setiap konsainan daging atau produk daging yang akan dipindah-kapal olehnya dan pindah-kapal itu dilaksanakan menurut syarat-syarat permit itu.

(4) Mana-mana pemegang lesen yang melanggar atau tidak mematuhi ceraian (1) atau (2) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$10,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari satu tahun atau kedua-duanya sekali dan, dalam hal sabitan kedua atau berikutnya, dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$20,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari 2 tahun atau kedua-duanya sekali.

(5) Tertakluk kepada ceraian (6), dalam sebarang prosiding kerana suatu kesalahan terhadap ceraian (3), adalah menjadi suatu pembelaan bagi orang yang kena tuduh untuk membuktikan bahawa —

(a) kesalahan yang dilakukan itu adalah kerana perbuatan atau keingkaran orang lain atau sesuatu sebab lain di luar kawalannya; dan

(b) dia mengambil segala langkah yang munasabah dan berusaha dengan sewajarnya untuk mengelakkan kesalahan tersebut daripada dilakukan olehnya sendiri atau oleh mana-mana orang di bawah kawalannya.

(6) Jika dalam sebarang kes pembelaan yang diperuntukkan oleh ceraian (5) melibatkan tuduhan bahawa kesalahan yang dilakukan itu adalah kerana perbuatan atau keingkaran orang lain, orang yang kena tuduh itu tidaklah, tanpa kebenaran mahkamah, berhak untuk bersandar kepada pembelaan itu melainkan jika, dalam tempoh tidak lebih dari 7 hari sebelum perbicaraan, dia telah menyampaikan kepada pendakwa suatu notis secara bertulis yang memberikan maklumat yang pada masa itu ada dalam milikannya yang mengenalpasti atau membantu dalam mengenalpasti orang lain itu.

Permohonan untuk mendapatkan lesen dan permit dan pembaharuan lesen.

7. (1) Permohonan untuk mendapatkan suatu lesen di bawah bab 5 atau suatu permit di bawah bab 6 hendaklah dibuat kepada Pengarah dalam borang dan dengan cara sebagaimana yang mungkin dikehendaki oleh Pengarah dan hendaklah disertakan dengan —

(a) bayaran yang ditetapkan;

(b) butir-butir, maklumat, dokumen-dokumen dan kehendak-kehendak lain sebagaimana yang mungkin dinyatakan oleh Pengarah; dan

(c) jika dikehendaki oleh Pengarah, suatu pengakuan berkanun oleh pemohon yang mengesahkan apa-apa maklumat yang terkandung dalam atau berkenaan dengan permohonan itu.

(2) Setelah berpuas hati dengan permohonan di bawah ceraian (1), Pengarah boleh —

(a) memberikan lesen atau permit yang dipohonkan itu, dengan atau tanpa syarat-syarat; atau

(b) enggan memberikan lesen atau permit yang dipohonkan itu.

(3) Jika Pengarah enggan memberikan suatu lesen atau permit di bawah ceraian (2)(b), dia hendaklah, jika diminta berbuat demikian oleh pemohon, menyatakan secara bertulis sebab-sebab keengganannya.

(4) Syarat-syarat yang mungkin dikenakan oleh Pengarah di bawah ceraian (2)(a) boleh termasuk sebarang syarat yang menyekat atau melarang pengeksportan apa-apa daging atau produk daging dari Negara Brunei Darussalam ke mana-mana negara, wilayah atau tempat.

(5) Pengarah boleh pada bila-bila masa mengubah atau membatalkan sebarang syarat sedia ada yang dikenakan di bawah ceraian (2)(a) atau mengenakan syarat-syarat baru.

(6) Setiap lesen atau permit yang diberikan di bawah bab ini —

(a) hendaklah dalam bentuk sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Pengarah;

(b) adalah sah bagi tempoh yang dinyatakan di dalamnya melainkan jika lesen atau permit itu digantung atau dibatalkan lebih awal di bawah bab 8(1); dan

(c) dalam hal suatu lesen, boleh diperbaharui apabila tamat tempohnya.

(7) Ceraian-ceraian (1) hingga (6) hendaklah dikenakan, dengan pengubahsuai-pengubahsuai yang perlu, kepada suatu permohonan untuk memperbaharui suatu lesen.

Penggantungan dan pembatalan lesen dan permit di bawah Bahagian II.

8. (1) Pengarah boleh menggantung atau membatalkan suatu lesen atau permit yang diberikan di bawah bab 7(2)(a) jika dia berpuas hati bahawa —

(a) pemberian lesen atau permit itu telah diperolehi dengan cara penipuan atau salah nyata;

(b) pemegang lesen atau pemegang permit melanggar, telah melanggar atau telah tidak mematuhi —

(i) sebarang peruntukan Perintah ini atau sebarang peraturan yang dibuat di bawahnya;

(ii) sebarang syarat lesen atau permitnya; atau

(iii) sebarang arahan yang diberikan kepadanya oleh Pengarah atau seseorang pegawai yang diberi kuasa, di bawah Perintah ini atau sebarang peraturan yang dibuat di bawahnya; atau

(c) adalah bagi kepentingan awam untuk menggantung atau membatalkan lesen atau permit itu.

(2) Pengarah hendaklah, sebelum menggantung atau membatalkan lesen atau permit di bawah ceraian (1), memberikan kepada pemegang lesen atau pemegang permit notis secara bertulis mengenai niatnya untuk berbuat demikian dan hendaklah dalam notis itu meminta pemegang lesen atau pemegang permit untuk menunjukkan sebab dalam tempoh masa sebagaimana yang mungkin dinyatakan dalam notis itu mengapa lesen atau permitnya tidak patut digantung atau dibatalkan.

(3) Jika pemegang lesen atau pemegang permit —

(a) tidak menunjukkan sebab dalam tempoh masa yang diberikan kepadanya untuk berbuat demikian atau tempoh masa lanjutan sebagaimana yang mungkin dibenarkan oleh Pengarah; atau

(b) tidak menunjukkan sebab yang mencukupi,

maka Pengarah hendaklah memberikan notis secara bertulis kepada pemegang lesen atau pemegang permit mengenai tarikh penggantungan atau pembatalan lesen atau permitnya mula berkuatkuasa.

Rayuan di bawah Bahagian II.

9. (1) Mana-mana orang yang tidak puas hati dengan —

(a) pengenaan sebarang syarat oleh Pengarah atas pemberian atau pembaharuan suatu lesen atau atas pemberian suatu permit, di bawah bab 7(2)(a);

(b) keengganan Pengarah untuk memberikan atau memperbaharui suatu lesen atau untuk memberikan suatu permit, di bawah bab 7(2)(b); atau

(c) keputusan Pengarah untuk menggantung atau membatalkan suatu lesen atau permit di bawah bab 8(1),

boleh, dalam masa 7 hari dari tarikh menerima notis yang membccritahunya mengenai pengenaan syarat-syarat, keengganan, penggantungan atau pembatalan tersebut, mengikut mana yang berkenaan, merayu secara bertulis kepada Menteri yang keputusannya adalah muktamad.

(2) Walaupun sebarang rayuan di bawah ceraian (1) belum diputuskan —

(a) sebarang syarat yang dikenakan oleh Pengarah atas pemberian atau pembaharuan suatu lesen atau permit, di bawah bab 7(2)(a); atau

(b) penggantungan atau pembatalan suatu lesen atau permit di bawah bab 8(1),

hendaklah berkuatkuasa mulai dari tarikh yang dinyatakan dalam notis yang diberikan oleh Pengarah berkaitan dengannya, melainkan jika Menteri memerintahkan selainnya.

(3) Apabila suatu lesen atau permit digantung atau dibatalkan, pemegang lesen atau pemegang permit hendaklah menyerahkan lesen atau permit itu kepada Pengarah dalam tempoh masa yang dinyatakan dalam notis yang disebut dalam ceraian (1), sekiranya tidak menyerahkannya pemegang lesen atau pemegang permit adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$10,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari satu tahun atau kedua-duanya sekali.

Pemeriksaan daging atau produk daging apabila mengimport atau sebelum mengeksport.

10. (1) Mana-mana orang yang —

(a) telah mengimport apa-apa daging atau produk daging; atau

(b) bercadang hendak mengeksport apa-apa daging atau produk daging,

hendaklah mengaturkan dengan serta-merta, atas perbelanjaannya sendiri, supaya daging atau produk daging itu diperiksa, diteliti dan diperakui oleh seseorang pemeriksa yang diberi kuasa sebelum ia dijual, diagihkan atau dieksport, mengikut mana yang berkenaan.

(2) Jika apa-apa daging atau produk daging yang telah diperiksa dan diteliti di bawah ceraian (1) didapati oleh seseorang pemeriksa yang diberi kuasa berpenyakit, rendah mutunya atau pun selainnya tidak sesuai untuk makanan manusia —

(a) pemeriksa yang diberi kuasa itu hendaklah mengeluarkan kepada orang yang mengimport atau yang bercadang hendak mengeksport daging atau produk daging itu suatu sijil yang menyatakan dapatannya; dan

(b) orang yang mengimport, atau yang bercadang hendak mengeksport, daging atau produk daging itu hendaklah, atas perbelanjaannya sendiri dan dalam masa yang dinyatakan dalam sijil itu, —

(i) dalam hal suatu daging atau produk daging yang diimport, memindahkan daging atau produk daging itu dari Negara Brunei Darussalam atau memusnahkan atau melupuskan daging atau produk daging itu dengan cara sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Pengarah;

(ii) dalam hal apa-apa daging atau produk daging yang dimaksudkan untuk dieksport, memusnahkan atau pun selainnya melupuskan daging atau produk daging itu dengan cara sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Pengarah.

(3) Jika seseorang yang telah mengimport, atau yang bercadang hendak mengeksport, apa-apa daging atau produk daging tidak mematuhi ceraian-ceraian (1) atau (2)(b), dia adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$10,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari satu tahun atau kedua-duanya sekali.

(4) Jika seseorang yang dikenakan ceraian (2)(b) tidak mematuhi ceraian itu, seseorang pegawai yang diberi kuasa boleh mengambil langkah-langkah sebagaimana yang difikirkannya patut untuk memastikan daging atau produk daging itu dipindahkan, dimusnahkan atau dilupuskan dan kos dan perbelanjaan yang dilakukan olehnya hendaklah ditanggung oleh orang itu.

BAHAGIAN III

PUSAT-PUSAT PENYEMBELIHAN

Penyembelihan binatang hendaklah dijalankan di pusat penyembelihan berlesen atau premis yang dibenarkan oleh Pengarah.

11. (1) Tiada sesiapa pun boleh menyembelih mana-mana binatang yang dimaksudkan untuk makanan manusia atau membenarkan mana-mana binatang itu disembelih di mana-mana premis, melainkan jika —

(a) premis tersebut telah dilesenkan oleh Pengarah sebagai sebuah pusat penyembelihan di bawah Perintah ini dan, tertakluk kepada Akta Daging Halal (Penggal 183), penyembelihan binatang itu dijalankan menurut syarat-syarat lesen itu;

(b) Pengarah telah memberikan suatu permit kepada orang itu yang membenarkannya untuk menyembelih binatang itu di premis tersebut kerana sebarang sebab yang khas dan, tertakluk kepada Akta Daging Halal (Penggal 183), penyembelihan binatang itu dijalankan menurut syarat-syarat permit itu.

(2) Mana-mana orang yang melanggar atau tidak mematuhi ceraian (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$10,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari satu tahun atau kedua-duanya sekali.

(3) Bagi maksud bab ini, penghuni mana-mana premis di mana mana-mana binatang disembelih dengan melanggar ceraian (1) hendaklah dianggap telah menyembelih binatang itu, sehingga dia membuktikan bahawa binatang itu disembelih tanpa pengetahuan atau persetujuannya.

Permohonan bagi mendapatkan lesen dan permit dan pembaharuan lesen.

12. (1) Permohonan bagi mendapatkan suatu lesen yang dikehendaki di bawah bab 11(1)(a) atau suatu permit di bawah bab 11(1)(b) hendaklah dibuat kepada Pengarah dalam borang dan dengan cara sebagaimana yang mungkin dikehendaki oleh Pengarah dan hendaklah disertakan dengan —

(a) bayaran yang ditetapkan;

(b) butir-butir, maklumat, dokumen-dokumen dan kehendak-kehendak lain sebagaimana mungkin ditentukan oleh Pengarah; dan

(c) jika dikehendaki oleh Pengarah, suatu pengakuan berkanun oleh pemohon yang mengesahkan apa-apa maklumat yang terkandung dalam atau berkenaan dengan permohonan itu.

(2) Setelah berpuas hati dengan permohonan di bawah ceraian (1), Pengarah boleh —

(a) memberikan lesen atau permit yang dipohonkan itu, dengan atau tanpa syarat-syarat; atau

(b) enggan memberikan lesen atau permit yang dipohonkan itu.

(3) Jika Pengarah enggan memberikan suatu lesen atau permit di bawah ceraian (2)(b), Pengarah hendaklah, jika diminta berbuat demikian oleh pemohon, menyatakan secara bertulis sebab-sebab keengganannya memberikan lesen atau permit itu.

(4) Dalam memutuskan sama ada untuk memberikan atau enggan memberikan suatu lesen yang dikehendaki di bawah bab 11(1)(a), Pengarah hendaklah memberi perhatian kepada —

(a) kedudukan kewangan pemohon dan keupayaannya untuk mengendalikan dan menyelenggarakan sebuah pusat penyembelihan menurut standard sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Pengarah; dan

(b) kesesuaian premis yang hendak dilesenkan untuk digunakan sebagai sebuah pusat penyembelihan.

(5) Bagi maksud ceraian (4), Pengarah, sebelum memberikan lesen yang dipohonkan itu, boleh —

(a) menghendaki pemohon supaya mengemukakan kepadanya keterangan mengenai kedudukan kewangannya atau memberikan suatu deposit jaminan wang tunai atau suatu jaminan bank tidak melebihi amaun sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Pengarah;

(b) memeriksa premis yang hendak dilesenkan atau menyebabkan premis itu diperiksa oleh seseorang pegawai yang diberi kuasa; dan

(c) menghendaki pemohon untuk membuat, atas perbelanjaannya sendiri, pengubahan atau pemberaikan kepada premis yang hendak dilesenkan atau untuk menyediakan, memasang atau menempatkan kemudahan di dalamnya, sebagaimana yang mungkin ditentukan olehnya.

(6) Pengarah boleh pada bila-bila masa mengubah atau membatalkan sebarang syarat yang ada yang dikenakan di bawah ceraian (2)(a) atau mengenakan syarat-syarat baru.

- (7) Setiap lesen atau permit yang diberikan di bawah bab ini —
- (a) hendaklah dalam borang sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Pengarah;
 - (b) adalah sah bagi tempoh yang dinyatakan di dalamnya melainkan jika digantung atau dibatalkan lebih awal di bawah bab 13(1); dan
 - (c) dalam hal suatu lesen, boleh diperbaharui apabila lesen itu tamat tempohnya.

(8) Ceraian-ceraian (1) hingga (7) hendaklah dikenakan, dengan pengubhsuaian-pengubhsuaian yang perlu, kepada suatu permohonan bagi pembaharuan suatu lesen.

Pengantungan dan pembatalan lesen dan permit di bawah Bahagian III.

13. (1) Pengarah boleh menggantung atau membatalkan suatu lesen atau permit yang diberikan di bawah bab 12(2)(a) jika dia berpuas hati bahawa —

- (a) pemberian lesen atau permit itu telah diperolehi dengan cara penipuan atau salah nyata;
- (b) pemegang lesen atau pemegang permit melanggar, telah melanggar atau telah tidak mematuhi —
 - (i) sebarang peruntukan Perintah ini atau sebarang peraturan yang dibuat di bawahnya;
 - (ii) sebarang syarat lesen atau permitnya; atau
 - (iii) sebarang arahan yang diberikan kepadanya oleh Pengarah atau seseorang pegawai yang diberi kuasa di bawah Perintah ini atau sebarang peraturan yang dibuat di bawahnya; atau
- (c) adalah bagi kepentingan awam untuk menggantung atau membatalkan lesen atau permit itu.

(2) Pengarah hendaklah, sebelum menggantung atau membatalkan lesen atau permit di bawah ceraian (1), memberikan kepada pemegang lesen atau pemegang permit notis secara bertulis mengenai niatnya untuk berbuat demikian dan hendaklah dalam notis itu meminta pemegang lesen dan pemegang permit untuk menunjukkan sebab dalam tempoh masa sebagaimana yang mungkin dinyatakan dalam notis itu tentang mengapa lesenya tidak patut digantung atau dibatalkan.

(3) Jika pemegang lesen atau pemegang permit —

(a) tidak menunjukkan sebab dalam tempoh masa yang diberikan kepadanya untuk berbuat demikian atau tempoh masa lanjutan sebagaimana yang mungkin dibenarkan oleh Pengarah; atau

(b) tidak menunjukkan sebab yang mencukupi,

maka Pengarah hendaklah memberikan notis secara bertulis kepada pemegang lesen atau pemegang permit mengenai tarikh penggantungan atau pembatalan lesen atau permitnya mula berkuatkuasa.

Rayuan di bawah Bahagian III.

14. (1) Mana-mana orang yang tidak puas hati dengan —

(a) pengenaan sebarang syarat oleh Pengarah atas pemberian atau pembaharuan suatu lesen atau atas pemberian suatu permit, di bawah bab 12(2)(a);

(b) keengganan Pengarah untuk memberikan atau memperbaharui suatu lesen atau untuk memberikan suatu permit, di bawah bab 12(2)(b); atau

(c) keputusan Pengarah untuk menggantung atau membatalkan suatu lesen atau permit di bawah bab 13(1),

boleh, dalam masa 7 hari dari tarikh menerima notis yang memberitahunya mengenai pengenaan syarat-syarat, keengganan, penggantungan atau pembatalan tersebut, mengikut mana yang berkenaan, merayu secara bertulis kepada Menteri yang keputusannya adalah muktamad.

(2) Walaupun sebarang rayuan di bawah ceraian (1) belum diputuskan —

(a) sebarang syarat yang dikenakan oleh Pengarah atas pemberian atau pembaharuan suatu lesen atau atas pemberian suatu permit di bawah bab 12(2)(a); atau

(b) penggantungan atau pembatalan suatu lesen di bawah bab 13(1),

hendaklah berkuatkuasa mulai dari tarikh yang dinyatakan dalam notis yang diberikan oleh Pengarah berkaitan dengannya, melainkan jika Menteri memerintahkan selainnya.

(3) Apabila suatu lesen atau permit digantung atau dibatalkan, pemegang lesen atau pemegang permit hendaklah menyerahkan lesen itu kepada Pengarah dalam tempoh masa yang dinyatakan dalam notis yang disebut dalam ceraian (1),

sekiranya tidak menyerahkannya pemegang lesen atau pemegang permit adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$10,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari satu tahun atau kedua-duanya sekali.

Pemeriksaan *ante-mortem* dan *post-mortem*.

15. (1) Pengarah boleh, secara bertulis, mengarahkan pemilik atau penghuni sesebuah pusat penyembelihan berlesen supaya semua atau mana-mana binatang yang hendak disembelih di pusat penyembelihan itu tertakluk kepada suatu pemeriksaan *ante-mortem* sebelum penyembelihan dan suatu pemeriksaan *post-mortem* selepas penyembelihan, oleh seorang pemeriksa yang diberi kuasa.

(2) Kos sebarang pemeriksaan dan kos yang bersampingan dengan sebarang pemeriksaan yang disebut dalam ceraian (1) hendaklah ditanggung oleh orang yang kepadanya arahan di bawah ceraian itu diberikan.

(3) Mana-mana orang yang tidak mematuhi sebarang arahan di bawah ceraian (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$10,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari satu tahun atau kedua-duanya sekali.

Pemilik dan penghuni pusat penyembelihan berlesen hendaklah memastikan bahawa binatang adalah sihat untuk disembelih.

16. (1) Adalah menjadi kewajipan pemilik dan penghuni sesebuah pusat penyembelihan berlesen untuk memastikan bahawa —

(a) binatang yang berpenyakit atau binatang yang, kerana sebarang sebab lain, tidak sesuai untuk makanan manusia tidak boleh disembelih di pusat penyembelihan itu; dan

(b) karkas mana-mana binatang yang, setelah disembelih di pusat penyembelihan itu, didapati mempunyai apa-apa penyakit atau pun selainnya tidak sesuai untuk makanan manusia dimusnahkan atau dilupuskan dengan cara sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Pengarah.

(2) Pemilik atau penghuni sesebuah pusat penyembelihan berlesen yang tidak mematuhi sebarang kewajipannya di bawah ceraian (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$10,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari satu tahun atau kedua-duanya sekali.

(3) Dalam sebarang prosiding terhadap pemilik atau penghuni sesebuah pusat penyembelihan berlesen kerana tidak mematuhi kewajipannya di bawah ceraian {1}(a), adalah menjadi suatu pembelaan bagi orang yang kena tuduh untuk membuktikan bahawa —

(a) sehingga binatang itu telah disembelih, dia tidak mengetahui dan tidak dapat memastikan dengan usaha yang munasabah bahawa binatang itu berpenyakit atau pun selainnya tidak sesuai untuk makanan manusia; dan

(b) dia mengambil segala langkah yang munasabah dan berusaha dengan sewajarnya untuk mengelakkan kesalahan tersebut daripada dilakukan olehnya sendiri atau oleh mana-mana orang di bawah kawalannya.

Membubuh tanda, cap atau tag pada karkas.

17. (1) Sebelum karkas mana-mana binatang yang telah disembelih di sesebuah pusat penyembelihan berlesen dipindahkan, ia hendaklah dibubuh tanda, cap atau tag dengan cara yang ditetapkan untuk menunjukkan bahawa binatang itu telah disembelih bagi mematuhi bab 11(1)(a).

(2) Mana-mana orang yang —

(a) memindahkan, tanpa sebab yang sah, karkas mana-mana binatang yang telah disembelih di sesebuah pusat penyembelihan berlesen sebelum karkas itu dibubuh tanda, cap atau tag menurut ceraian {1};

(b) membubuh tanda, cap atau tag pada karkas atau mana-mana bahagian karkas seekor binatang yang tidak disembelih di sesebuah pusat penyembelihan berlesen dengan tujuan untuk menyebabkannya dipercayai bahawa binatang itu telah disembelih di pusat penyembelihan itu;

(c) membuat atau ada dalam milikannya apa-apa pewarna, plat atau alatan lain bagi tujuan untuk digunakan atau dengan mengetahui atau mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa ia dimaksudkan untuk digunakan bagi tujuan untuk memalsukan apa-apa tanda, cap atau tag sesebuah pusat penyembelihan berlesen; atau

(d) menjual atau mendedahkan untuk jualan atau ada dalam milikannya untuk jualan karkas atau sebahagian dari karkas mana-mana binatang yang tidak disembelih di sesebuah pusat penyembelihan berlesen, tetapi —

(i) mempunyai apa-apa tanda, cap atau tag yang dimaksudkan untuk menggambarkan tanda, cap atau tag sesebuah pusat penyembelihan berlesen; atau

- (ii) dibubuh tanda, cap atau tag dengan tujuan yang menyebabkannya dipercayai bahawa binatang itu telah disembelih di sesebuah pusat penyembelihan berlesen,

adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$10,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari satu tahun atau kedua-duanya sekali.

(3) Tertakluk kepada ceraian (4), dalam sebarang prosiding kerana suatu kesalahan terhadap ceraian (2)(d), adalah menjadi suatu pembelaan bagi orang yang kena tuduh untuk membuktikan bahawa —

(a) kesalahan yang dilakukan itu adalah kerana perbuatan atau keingkaran orang lain atau sesuatu sebab lain di luar kawalannya; dan

(b) dia mengambil segala langkah yang munasabah dan berusaha dengan sewajarnya untuk mengelakkan kesalahan tersebut daripada dilakukan olehnya sendiri atau oleh mana-mana orang di bawah kawalannya.

(4) Jika dalam sebarang kes pembelaan yang diperuntukkan oleh ceraian (3) melibatkan tuduhan bahawa kesalahan yang dilakukan itu adalah kerana perbuatan atau keingkaran orang lain, orang yang kena tuduh itu tidaklah, tanpa kebenaran mahkamah, berhak untuk bersandar kepada pembelaan itu melainkan jika, dalam suatu tempoh tidak lebih dari 7 hari sebelum perbicaraan, dia telah menyampaikan kepada pendakwa suatu notis secara bertulis yang memberikan maklumat yang ada dalam milikannya pada masa itu yang mengenalpasti atau membantu dalam mengenalpasti orang lain itu.

Kuasa untuk melarang penyembelihan.

18. (1) Jika Pengarah atau seseorang pegawai yang diberi kuasa mengetahui atau mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa mana-mana binatang yang hendak disembelih di sesebuah pusat penyembelihan berlesen adalah berpenyakit atau tidak sesuai, kerana sebarang sebab lain, untuk makanan manusia, Pengarah atau pegawai yang diberi kuasa itu boleh dengan perintah secara bertulis —

(a) melarang pemilik atau penghuni pusat penyembelihan berlesen itu dari menyembelih binatang itu; dan

(b) menghendaki pemilik atau penghuni pusat penyembelihan berlesen itu untuk memusnahkan atau memperlakukan binatang itu dengan cara sebagaimana yang difikirkan patut oleh Pengarah atau pegawai yang diberi kuasa itu, dan kosnya dan kos yang bersampingan dengannya hendaklah ditanggung oleh pemilik atau penghuni itu.

(2) Mana-mana orang yang tidak mematuhi suatu perintah di bawah ceraian (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$10,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari satu tahun atau kedua-duanya sekali.

Kuasa untuk melarang penyiangan karkas.

19. (1) Jika Pengarah atau seseorang pegawai yang diberi kuasa mengetahui atau mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa karkas mana-mana binatang yang telah disembelih di sesebuah pusat penyembelihan berlesen adalah berpenyakit atau tidak sesuai, kerana sebarang sebab lain, untuk makanan manusia, Pengarah atau pegawai yang diberi kuasa itu boleh dengan perintah secara bertulis —

(a) melarang pemilik atau penghuni pusat penyembelihan berlesen itu dari menyiang karkas itu; dan

(b) menghendaki pemilik atau penghuni pusat penyembelihan berlesen itu untuk memusnahkan atau memperlakukan karkas itu atas perbelanjaannya sendiri dengan cara sebagaimana yang mungkin difikirkan patut oleh Pengarah atau pegawai yang diberi kuasa itu.

(2) Mana-mana orang yang tidak mematuhi suatu perintah di bawah ceraian (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$10,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari satu tahun atau kedua-duanya sekali.

BAHAGIAN IV

PENGUATKUASAAN

Kuasa untuk menutup pusat penyembelihan.

20. (1) Jika Pengarah atau seseorang pegawai yang diberi kuasa mendapati bahawa keadaan di sesebuah pusat penyembelihan berlesen telah menjadi berbahaya kepada kesihatan atau boleh menghalang dalam apa-apa cara pencegahan penyakit atau bahawa pusat penyembelihan berlesen itu telah atau diletakkan dalam keadaan tidak bersih, Pengarah atau pegawai yang diberi kuasa itu boleh —

(a) memberi arahan bertulis yang menghendaki supaya pusat penyembelihan itu ditutup bagi suatu tempoh masa sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Pengarah; atau

(b) memberi arahan supaya sebarang penyembelihan atau kerja lain dihentikan dengan serta-merta sehingga dia berpuas hati bahawa pemilik atau penghuni pusat penyembelihan itu telah mengambil tindakan bagi

menjadikan pusat penyembelihan itu sekali lagi dalam keadaan bersih dan tidak kotor.

(2) Pengarah atau pegawai yang diberi kuasa itu hendaklah, dengan seberapa segera yang boleh setelah dia diberikan arahan bertulis di bawah ceraian {1}/a), memberitahu pemilik atau penghuni pusat penyembelihan itu secara bertulis, mengenai sebab-sebab kenapa arahan itu diberikan.

(3) Mana-mana orang yang tidak mematuhi sebarang arahan di bawah ceraian {1} adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$10,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari satu tahun atau kedua-duanya sekali.

Kuasa untuk menghendaki pengemukaan dokumen dll.

21. (1) Bagi maksud melaksanakan tugas-tugas dan kewajipan-kewajipannya di bawah Perintah ini atau sebarang peraturan yang dibuat di bawahnya, Pengarah atau seseorang pegawai yang diberi kuasa boleh pada bila-bila masa menghendaki mana-mana orang —

(a) untuk mengemukakan kepadanya bagi pemeriksaan atau bagi maksud mendapatkan salinan atau cabutan, atau untuk memberikan kepadanya salinan atau cabutan, apa-apa dokumen yang dia mempercayai atas alasan yang munasabah mengandungi apa-apa maklumat berkaitan dengan perlaksanaan atau penguatkuasaan Perintah ini atau sebarang peraturan yang dibuat di bawahnya; atau

(b) untuk memberikan apa-apa maklumat yang mungkin dikehendaki-nya dengan munasabah.

(2) Pengarah atau seseorang pegawai yang diberi kuasa boleh merekodkan apa-apa maklumat yang diberikan oleh mana-mana orang di bawah ceraian {1}/b) sebagai suatu pernyataan yang boleh diterima sebagai keterangan dalam sebarang prosiding berhubung dengan sebarang kesalahan terhadap Perintah ini atau sebarang peraturan yang dibuat di bawahnya.

(3) Mana-mana orang yang tidak mematuhi sebarang kehendak yang dibuat oleh Pengarah atau pegawai yang diberi kuasa itu di bawah ceraian {1} adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$10,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari satu tahun atau kedua-duanya sekali.

Kuasa untuk memasuki dll.

22. (1) Dalam melaksanakan tugas-tugas dan kewajipan-kewajipannya di bawah Perintah ini atau sebarang peraturan yang dibuat di bawahnya, Pengarah atau seseorang pegawai yang diberi kuasa boleh tanpa waran —

(a) pada setiap masa yang munasabah memasuki dan mengeleledah mana-mana premis atau menahan, menaiki dan mengeleledah mana-mana pengangkutan di mana dia mempercayai atas alasan yang munasabah bahawa terdapat sesuatu barang yang dikenakan Perintah ini;

(b) memeriksa apa-apa barang yang dijumpai di dalam mana-mana premis atau pengangkutan tersebut;

(c) mengambil, tanpa bayaran, bagi maksud pemeriksaan sampel apa-apa daging atau produk daging dengan munasabah yang dijumpai di dalam mana-mana premis atau pengangkutan tersebut; atau

(d) merampas dan menahan apa-apa barang yang dijumpai di dalam mana-mana premis atau pengangkutan tersebut yang dia mempercayai atas alasan yang munasabah tidak mematuhi Perintah ini atau sebarang peraturan yang dibuat di bawahnya atau pun selainnya berhubungkait dengan suatu kesalahan yang dilakukan terhadap Perintah ini atau sebarang peraturan yang dibuat di bawahnya.

(2) Bagi maksud ceraian (1)(a), Pengarah atau seseorang pegawai yang diberi kuasa boleh —

(a) menghendaki pemilik atau penghuni mana-mana premis atau pengangkutan yang diperiksa untuk memberikan segala bantuan yang munasabah kepadanya bagi tujuan pemeriksaan; dan

(b) jika hal keadaan menghendaki demikian, dengan bantuan sebagaimana yang difikirkannya perlu, memecah buka mana-mana pintu, jendela, kunci, kancing, palka, ruang, kotak, kontena, bekas atau benda lain.

(3) Jika Pengarah atau seseorang pegawai yang diberi kuasa merampas apa-apa barang di bawah ceraian (1)(d), dia hendaklah dengan serta-merta memberikan notis secara bertulis mengenai rampasan itu kepada pemilik barang yang dirampas itu atau kepada ejen pemilik itu, jika nama dan alamat pemilik itu atau ejennya diketahui.

(4) Mana-mana orang yang tidak puas hati dengan rampasan apa-apa barang di bawah ceraian (1)(d) boleh, dalam masa 48 jam selepas rampasan itu, membuat aduan mengenainya kepada sebuah mahkamah dan, setelah mendengar aduan tersebut, mahkamah itu boleh —

(a) mengesahkan rampasan itu seluruhnya atau sebahagiannya;

(b) menolak rampasan itu seluruhnya atau sebahagiannya;

(c) memerintahkan supaya apa-apa barang dikembalikan kepada pemiliknya, tertakluk kepada sebarang syarat yang mungkin difikirkan patut

oleh mahkamah itu untuk dikenakan bagi memastikan supaya ia disimpan bagi sebarang maksud yang baginya barang itu mungkin dikehendaki kemudiannya; atau

(d) memerintahkan supaya bayaran dibuat kepada pemilik barang itu dalam suatu amaun yang dianggap oleh mahkamah itu akan mengganti ruginya kerana sebarang kehilangan atau susut nilai akibat dari rampasan itu.

(5) Apa-apa barang yang dirampas di bawah ceraian (1)/(d) boleh ditaruh atau disimpan di dalam premis atau pengangkutan di mana barang itu dirampas atau boleh, atas arahan Pengarah atau seseorang pegawai yang diberi kuasa, dipindahkan ke mana-mana tempat lain untuk ditaruh atau disimpan.

(6) Pengarah atau seseorang pegawai yang diberi kuasa boleh menanda, mengecap atau melabel apa-apa barang yang ditahan di bawah ceraian (1)/(d) dengan cara sebagaimana yang difikirkannya patut bagi maksud untuk menunjukkan bahawa barang itu sedang ditahan dan boleh mengunci atau melak premis atau pengangkutan di mana barang itu ditahan.

(7) Mana-mana orang yang tidak mematuhi sebarang kehendak yang dibuat oleh Pengarah atau seseorang pegawai yang diberi kuasa di bawah ceraian (2)/(a) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$10,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari satu tahun atau kedua-duanya sekali.

(8) Mana-mana orang yang, tanpa kebenaran Pengarah atau seseorang pegawai yang diberi kuasa —

(a) mengganggu, mengusik, memindahkan, mengagihkan, menjual atau pun selainnya melupuskan apa-apa barang yang dirampas dan ditahan di bawah ceraian (1)/(d) atau mengubah, memalsukan, mencacatkan, memusnahkan, memadam atau membuka apa-apa tanda, cap atau label yang dibubuh oleh Pengarah atau seseorang pegawai yang diberi kuasa pada barang itu di bawah ceraian (6); atau

(b) membuka, memecah atau pun selainnya mengusik kunci atau lak yang diletakkan oleh Pengarah atau seseorang pegawai yang diberi kuasa pada mana-mana premis atau pengangkutan atau sebahagiannya di bawah ceraian (6),

adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$10,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari satu tahun atau kedua-duanya sekali.

Kuasa untuk menangkap.

23. (1) Pengarah, seseorang pegawai yang diberi kuasa, pegawai polis atau pegawai kastam boleh menangkap tanpa waran, mana-mana orang yang melakukan atau cuba melakukan, atau yang disyakinya dengan munasabah terlibat dalam melakukan atau cuba melakukan, sebarang kesalahan terhadap Perintah ini atau sebarang peraturan yang dibuat di bawahnya, jika —

(a) orang itu enggan memberikan nama dan alamatnya atau memberikan suatu alamat di luar Brunei Darussalam; atau

(b) terdapat alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa dia telah memberikan suatu nama atau alamat palsu atau bahawa orang itu mungkin melarikan diri.

(2) Pengarah, pegawai yang diberi kuasa, pegawai polis atau pegawai kastam yang membuat suatu tangkapan tanpa waran hendaklah, tertakluk kepada ceraian (3), tanpa kelengahan yang tidak sepatutnya membawa orang yang ditangkap itu di hadapan sebuah mahkamah.

(3) Tiada sesiapapun yang telah ditangkap oleh Pengarah, pegawai yang diberi kuasa, pegawai polis atau pegawai kastam boleh dilepaskan, kecuali atas bonnya sendiri, dengan ikat jamin atau atas suatu perintah mahkamah itu atau Pengarah.

Kuasa untuk menghendaki pemusnahan, rawatan atau pelupusan daging atau produk daging yang didapati berpenyakit atau tidak sesuai untuk makanan manusia.

24. (1) Jika hasil dari pemeriksaan sebarang sampel yang diambil dari apa-apa daging atau produk daging di bawah bab 22(1)(c) mendedahkan bahawa daging atau produk daging itu berpenyakit, rendah mutunya atau tidak sesuai untuk makanan manusia, Pengarah atau seseorang pegawai yang diberi kuasa boleh mengarahkan pemilik daging atau produk daging itu atau ejen pemilik itu supaya memusnahkan atau merawat atau pun selainnya melupuskan daging atau produk daging itu dengan cara sebagaimana yang difikirkannya patut, dan kosnya dan kos yang bersampingan dengannya hendaklah ditanggung oleh pemilik itu atau ejennya.

(2) Jika seseorang yang diberikan sebarang arahan di bawah ceraian (1) tidak mematuhi arahan itu —

(a) dia adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$10,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari satu tahun atau kedua-duanya sekali; dan

(b) seseorang pegawai yang diberi kuasa boleh mengambil langkah-langkah sebagaimana yang difikirkannya patut untuk memastikan pemusnahan, rawatan atau pelupusan daging atau produk daging yang dimaksudkan oleh arahan itu dan kos dan perbelanjaan yang dilakukan olehnya hendaklah ditanggung oleh orang itu.

BAHAGIAN V

KESALAHAN-KESALAHAN

Penjualan daging atau produk daging.

25. (1) Tiada sesiapapun boleh menjual atau membekalkan, atau ada dalam milikannya bagi tujuan untuk menjual atau membekalkan, mengiklankan penjualan atau pembekalan, apa-apa daging atau produk daging —

(a) yang telah diimport dengan melanggar Akta Daging Halal (Penggal 183);

(b) yang belum diperiksa, diteliti dan diperakui oleh seseorang pemeriksa yang diberi kuasa sebagaimana yang dikehendaki di bawah bab 10(1);

(c) yang telah diperolehi dari mana-mana binatang yang telah disembelih di Negara Brunei Darussalam dengan melanggar bab-bab 11, 16 atau 18 atau Akta Daging Halal (Penggal 183);

(d) yang telah --

(i) diproses di sebuah bangunan pemprosesan; atau

(ii) disimpan bagi sebarang tempoh masa di dalam stor sejuk,

yang belum dilesenkan di bawah Akta Lesen Rampaian (Penggal 127);

(e) yang belum dibubuh tanda, cap atau tag menurut bab 17(1);

(f) yang belum dilabel mengikut cara yang ditetapkan atau yang telah dilabel dengan apa-apa maklumat yang palsu, tidak tepat atau mengelirukan;

(g) yang telah diperolehi dari sebuah pasar borong yang belum dilesenkan di bawah Akta Lesen Rampaian (Penggal 127); atau

(h) yang berpenyakit, rendah mutunya, tidak sesuai untuk makanan manusia atau pun selainnya dengan melanggar sebarang peruntukan lain Perintah ini atau sebarang peraturan yang dibuat di bawahnya.

(2) Mana-mana orang yang melanggar atau tidak mematuhi ceraian (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$50,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari 2 tahun atau kedua-dua sekalinya dan, dalam hal kesalahan kedua atau berikutnya, dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$100,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari 3 tahun atau kedua-duanya sekali.

(3) Tertakluk kepada ceraian (4), dalam sebarang prosiding kerana suatu kesalahan terhadap ceraian (2), adalah menjadi suatu pembelaan bagi orang yang kena tuduh untuk membuktikan bahawa —

(a) kesalahan yang dilakukan itu adalah kerana perbuatan atau keingkaran orang lain atau sesuatu sebab lain di luar kawalannya; dan

(b) dia mengambil segala langkah yang munasabah dan berusaha dengan sewajarnya untuk mengelakkan kesalahan tersebut daripada dilakukan olehnya sendiri atau oleh mana-mana orang di bawah kawalannya.

(4) Jika dalam sebarang kes pembelaan yang diperuntukkan oleh ceraian (3) melibatkan tuduhan bahawa kesalahan yang dilakukan itu adalah kerana perbuatan atau keingkaran orang lain, orang yang kena tuduh itu tidaklah, tanpa kebenaran mahkamah, berhak untuk bersandar kepada pembelaan itu melainkan jika, dalam tempoh tidak lebih dari 7 hari sebelum perbicaraan, dia telah menyampaikan kepada pendakwa suatu notis secara bertulis yang memberikan maklumat yang pada masa itu ada dalam milikannya yang mengenalpasti atau membantu dalam mengenalpasti orang lain itu.

(5) Bagi maksud bab ini, jika apa-apa daging dan produk daging dijumpai di dalam mana-mana premis yang digunakan oleh mana-mana orang bagi penjualan daging dan produk daging atau bagi penyimpanan daging dan produk daging yang dimaksudkan untuk dijual, ia hendaklah dianggap ada dalam milikan orang itu untuk dijual sehingga dibuktikan sebaliknya.

Menghalang pegawai yang melaksanakan kewajipan.

26. Mana-mana orang yang menghalang, mengadang atau menggendalakan Pengarah, seseorang pegawai yang diberi kuasa, pemeriksa yang diberi kuasa, pegawai polis, pegawai kastam atau mana-mana orang lain yang bertindak di bawah arahan Pengarah, dalam menjalankan atau melaksanakan kewajipannya atau apa-apa yang dia dibenarkan, diberi kuasa atau dikehendaki untuk melakukannya di bawah Perintah ini atau sebarang peraturan yang dibuat di bawahnya adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$10,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari satu tahun atau kedua-duanya sekali.

Mengubah lesen, permit atau sijil.

27. Mana-mana orang yang —

(a) tanpa kebenaran yang sah mengubah, memalsukan, merosakkan atau mencacatkan sebarang lesen atau permit yang diberikan atau sijil yang dikeluarkan, di bawah Perintah ini atau sebarang peraturan yang dibuat di bawahnya; atau

(b) dengan mengetahui menggunakan sebarang lesen, permit atau sijil yang telah diubah, dipalsukan, dirosakkan atau dicacatkan itu,

adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$10,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari satu tahun atau kedua-duanya sekali.

Pengakuan palsu.

28. Mana-mana orang yang, dikehendaki di bawah Perintah ini atau sebarang peraturan yang dibuat di bawahnya, untuk membuat atau memberikan sebarang pengakuan, pernyataan, representasi atau maklumat atau untuk mengemukakan sebarang lesen, permit atau sijil atau yang, bagi tujuan untuk mendapatkan sebarang lesen, permit atau sijil di bawah Perintah ini —

(a) membuat atau memberikan sebarang pengakuan, pernyataan, representasi atau maklumat yang palsu dalam suatu butir penting; atau

(b) mengemukakan sebarang lesen, permit atau sijil yang diketahuinya atau dia mempunyai sebab untuk mempercayai adalah palsu dalam sebarang butir penting, atau belum diberikan oleh orang yang dikatakan telah memberikannya, atau telah dalam apa jua cara diubah atau diusik,

adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$10,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari satu tahun atau kedua-duanya sekali.

Kesalahan yang dilakukan oleh perkongsian, badan korporat dan ejen dan pekerja.

29. (1) Jika suatu perkongsian adalah melakukan suatu kesalahan terhadap Perintah ini atau sebarang peraturan yang dibuat di bawahnya, tiap-tiap rakan kongsi, selain daripada rakan kongsi yang terbukti tidak tahu atau telah cuba mengelakkan kesalahan itu dari dilakukan, adalah juga melakukan kesalahan itu dan boleh diambil tindakan selanjutnya dan dihukum dengan sewajarnya.

(2) Jika suatu kesalahan terhadap Perintah ini atau sebarang peraturan yang dibuat di bawahnya telah dilakukan oleh suatu badan korporat terbukti

telah dilakukan dengan persetujuan atau pembiaran, atau disebabkan sebarang kecuaian di pihak, seseorang pengarah, pengurus, setiausaha atau pegawai lain yang seumpamanya badan korporat itu, atau seseorang yang dikatakan bertindak atas sebarang jawatan tersebut, dia, dan juga badan korporat itu, adalah juga melakukan kesalahan itu dan boleh diambil tindakan selanjutnya dan dihukum dengan sewajarnya.

(3) Berkenaan dengan suatu badan korporat yang urusannya dikendalikan oleh ahli-ahlinya, "pengarah" dalam ceraian (2) bermakna mana-mana ahli badan korporat itu.

(4) Jika suatu kesalahan terhadap Perintah ini atau sebarang peraturan yang dibuat di bawahnya dilakukan oleh mana-mana orang yang bertindak sebagai seorang ejen atau pekerja bagi orang lain, atau pun selainnya tertakluk kepada penyeliaan atau arahan orang lain bagi maksud sebarang pekerjaan yang dalam masa menjalankan pekerjaan tersebut kesalahan itu dilakukan, maka orang lain itu, tanpa menjelaskan liabiliti orang yang mula-mula disebutkan, adalah bertanggungan di bawah Perintah ini atau sebarang peraturan yang dibuat di bawahnya dengan cara yang sama dan setakat yang sama seolah-olah dia sendiri telah melakukan kesalahan itu jika terbukti bahawa perbuatan yang menjadi kesalahan itu telah dilakukan dengan persetujuan atau pembiarannya atau disebabkan sebarang kecuaian dipihaknya.

BAHAGIAN VI

AM

Perlucutan hak.

30. (1) Mahkamah yang di hadapannya mana-mana orang dibicarakan kerana suatu kesalahan terhadap Perintah ini atau sebarang peraturan yang dibuat di bawahnya boleh membuat suatu perintah bagi perlucutan hak apa-apa barang yang telah dirampas di bawah peruntukan-peruntukan Perintah ini jika —

- (a) mahkamah berpuas hati bahawa —
 - (i) suatu kesalahan terhadap Perintah ini atau sebarang peraturan yang dibuat di bawahnya telah dilakukan; dan
 - (ii) barang yang dirampas itu adalah hal perkara atau telah digunakan dalam melakukan, kesalahan itu; dan
- (b) dengan memberi perhatian kepada hal keadaan kes itu, mahkamah memikirkannya patut untuk memerintahkan supaya barang itu dilucutahak.

(2) Jika tiada pihak membangkitkan perkara perlucutan hak di bawah ceraian (1), mahkamah hendaklah menimbangkan perkara itu atas usulnya sendiri.

(3) Mahkamah boleh membuat suatu perintah di bawah ceraian (1) bagi perlucutan hak apa-apa barang yang telah dirampas di bawah peruntukan-peruntukan Perintah ini walaupun tiada seorang pun mungkin telah disabitkan atas suatu kesalahan.

(4) Jika mahkamah, dengan memberi perhatian kepada hal keadaan kes itu, tidak memikirkannya patut untuk memerintahkan perlucutan hak apa-apa barang yang telah dirampas di bawah peruntukan-peruntukan Perintah ini, mahkamah hendaklah memerintahkan supaya barang itu dilepaskan kepada pemiliknya atau orang yang berhak terhadapnya.

(5) Sekiranya sebarang pendakwaan tidak ada berhubung dengan apa-apa barang yang telah dirampas di bawah peruntukan-peruntukan Perintah ini, Pengarah hendaklah memberikan kepada orang yang daripadanya barang itu dirampas atau kepada pemilik barang itu, notis secara bertulis bahawa barang itu akan, apabila tamatnya tempoh 7 hari dari tarikh yang dinyatakan dalam notis itu, dianggap sebagai dilucutkan melainkan jika suatu tuntutan terhadapnya dibuat sebelum itu menurut ceraian (6).

(6) Seseorang yang menyatakan —

(a) bahawa dia adalah pemilik, atau bahawa dia berhak terhadap, apa-apa barang yang telah dirampas di bawah peruntukan-peruntukan Perintah ini; dan

(b) bahawa barang itu tidak boleh dilucutkan,

boleh, sendiri atau melalui ejennya yang diberi kuasa secara bertulis, memberikan notis bertulis kepada Pengarah bahawa dia menuntut barang itu.

(7) Apabila menerima suatu notis di bawah ceraian (6), Pengarah boleh mengarahkan supaya barang itu dilepaskan kepada orang yang telah memberikan notis itu atau boleh merujukkan perkara itu kepada sebuah mahkamah untuk diputuskan.

(8) Jika tiada tuntutan diterima apabila tamatnya tempoh 7 hari yang disebut dalam ceraian (5), barang yang dimaksudkan oleh notis itu hendaklah dianggap sebagai dilucutkan.

(9) Jika pemilik apa-apa barang yang dirampas di bawah peruntukan-peruntukan Perintah ini bersetuju dengan pelupusannya, barang itu hendaklah selepas itu dianggap sebagai dilucutkan.

{10} Apa-apa barang yang dilucutahak atau dianggap sebagai dilucutahak di bawah bab ini hendaklah diserahkan kepada seseorang pegawai yang diberi kuasa dan hendaklah dilupuskan dengan cara sebagaimana yang difikirkan patut oleh Pengarah.

Bentuk dan pengesahan notis dll.

31. (1) Semua notis, perintah dan dokumen lain yang Pengarah diberi kuasa oleh Perintah ini atau sebarang peraturan yang dibuat di bawahnya untuk memberikannya boleh dalam bentuk sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Pengarah dan bolch diberikan oleh seseorang pegawai yang diberi kuasa.

(2) Jika sebarang notis, perintah atau dokumen lain itu menghendaki pengesahan —

(a) tandatangan Pengarah atau seseorang pegawai yang diberi kuasa; atau

(b) faksimile rasmi tandatangan tersebut,

yang diturunkan pada notis, perintah atau dokumen lain itu adalah pengesahan yang mencukupi.

Ketidaktepatan dalam notis dll.

32. (1) Salah nama atau perihalan yang tidak tepat mengenai mana-mana orang, premis, tempat atau pengangkutan yang dinamakan atau diperihalkan dalam sebarang notis, perintah atau dokumen lain yang disediakan, dikeluarkan atau disampaikan di bawah atau bagi maksud-maksud Perintah ini atau sebarang peraturan yang dibuat di bawahnya tidaklah boleh dalam apa jua cara menjelaskan kuatkuasa Perintah ini atau sebarang peraturan tersebut berhubung dengan orang, premis, tempat atau pengangkutan itu jika orang, premis, tempat atau pengangkutan itu ditetapkan demikian dalam notis, perintah atau dokumen lain itu sebagai boleh dikenalpasti.

(2) Prosiding yang diambil di bawah atau menurut Perintah ini atau sebarang peraturan yang dibuat di bawahnya tidaklah menjadi tidak sah kerana tidak mengikut bentuk.

Penyampaian notis dll.

33. (1) Sebarang notis, perintah atau dokumen lain yang dikehendaki atau dibenarkan oleh Perintah ini atau sebarang peraturan yang dibuat di bawahnya untuk disampaikan kepada mana-mana orang dan sebarang saman yang dikeluarkan oleh sebuah mahkamah terhadap mana-mana orang berhubung

dengan sebarang kesalahan terhadap Perintah ini atau sebarang peraturan yang dibuat di bawahnya boleh disampaikan kepada orang itu —

(a) dengan menyerahkannya sendiri kepadanya atau kepada seorang anggota dewasa atau pekerja keluarga atau rumah tangganya, di tempat kediamannya yang biasa atau terakhir diketahui;

(b) dengan meninggalkannya di tempat kediaman atau tempat perniagaannya yang biasa atau terakhir diketahui;

(c) dengan menghantarnya melalui pos berdaftar yang dialamatkan kepadanya di tempat kediaman atau tempat perniagaannya yang biasa atau terakhir diketahui; atau

(d) dalam hal suatu badan korporat atau suatu kumpulan orang yang tidak diperbadankan —

(i) dengan menyerahkannya kepada setiausaha atau pegawai lain yang seumpamanya di pejabat berdaftarnya atau tempat perniagaannya yang utama; atau

(ii) dengan menghantarnya melalui pos berdaftar yang dialamatkan kepadanya di pejabat berdaftarnya atau tempat perniagaannya yang utama.

(2) Sebarang notis, perintah, dokumen lain atau saman yang dihantar melalui pos berdaftar kepada mana-mana orang menurut ceraian (1) hendaklah dianggap telah disampaikan kepadanya pada masa ia akan diserahkan dalam perjalanan biasa pos dan, bagi membuktikan penyampaian notis, perintah, dokumen lain atau saman itu, maka adalah mencukupi untuk membuktikan bahawa sampul surat yang mengandungnya telah sempurna dialamatkan, disetem dan dipos melalui pos berdaftar.

(3) Sebarang notis, perintah atau dokumen lain yang dikehendaki atau dibenarkan oleh Perintah ini atau sebarang peraturan yang dibuat di bawahnya untuk disampaikan kepada pemilik atau penghuni mana-mana premis atau sebarang saman yang dikeluarkan oleh sebuah mahkamah terhadap mana-mana pemilik atau penghuni itu berhubung dengan sebarang kesalahan terhadap Perintah ini atau sebarang peraturan yang dibuat di bawahnya boleh disampaikan dengan menyerahkannya atau satu salinannya yang benar kepada seorang dewasa di premis tersebut atau, jika orang itu tidak ada di premis tersebut yang kepadanya ia dapat disampaikan dengan usaha yang munasabah, dengan melekatkannya di suatu bahagian yang mudah dilihat di premis tersebut.

(4) Sebarang notis, perintah atau dokumen lain yang dikehendaki atau dibenarkan oleh Perintah ini atau sebarang peraturan yang dibuat di bawahnya untuk disampaikan kepada pemilik atau penghuni mana-mana premis atau

sebarang saman yang dikeluarkan oleh sebuah mahkamah terhadap mana-mana pemilik atau penghuni itu berhubung dengan sebarang kesalahan terhadap Perintah ini atau sebarang peraturan yang dibuat di bawahnya hendaklah dianggap telah sempurna dialamatkan jika dialamatkan dengan perihalan pemilik atau penghuni premis tersebut tanpa nama atau perihalan lanjut.

Batasan liabiliti.

34. Tiada tindakan boleh dibawa terhadap Pengarah, mana-mana pegawai yang diberi kuasa, pemeriksa yang diberi kuasa, pegawai polis, pegawai kastam atau mana-mana orang lain yang bertindak di bawah arahan Pengarah berkaitan dengan apa-apa yang dilakukan atau ditinggalkan daripada dilakukan olehnya dengan suci hati dalam menjalankan, melaksanakan atau dikatakan dalam menjalankan atau melaksanakan, sebarang kuasa atau kewajipan di bawah Perintah ini atau sebarang peraturan yang dibuat di bawahnya.

Keterangan.

35. (1) Tertakluk kepada ceraian (3) —

(a) suatu dokumen atau perakuan yang dikatakan sebagai suatu laporan yang ditandatangani oleh Pengarah atau seseorang pegawai yang diberi kuasa tentang apa-apa perkara atau hal berhubung dengan perlaksanaan atau penguatkuasaan Perintah ini atau sebarang penyiasatan yang dijalankan di bawah Perintah ini boleh diterima sebagai keterangan dalam sebarang prosiding di bawah Perintah ini dan adalah keterangan *prima facie* mengenai fakta-fakta yang dinyatakan didalamnya; dan

(b) suatu perakuan seseorang pemeriksa yang diberi kuasa yang menyatakan bahawa dia telah menganalisis atau memeriksa apa-apa daging atau produk daging dan yang menyatakan hasil dari penganalisisan atau pemeriksannya boleh diterima sebagai keterangan dalam sebarang prosiding kerana suatu kesalahan terhadap Perintah ini sebagai keterangan *prima facie* mengenai fakta-fakta yang dinyatakan di dalamnya dan ketepatan hasil dari penganalisisan atau pemeriksaan itu.

(2) Bagi maksud-maksud bab ini, suatu dokumen yang dikatakan sebagai suatu perakuan yang disebut dalam ceraian (1) apabila ia dikemukakan oleh pihak pendakwa hendaklah, melainkan jika dibuktikan sebaliknya, dianggap sebagai perakuan tersebut.

(3) Suatu perakuan yang disebut dalam ceraian (1) tidak boleh diterima sebagai keterangan menurut ceraian itu melainkan jika orang yang kena tuduh telah diberikan —

(a) satu salinan perakuan itu; dan

(b) notis cadangan pihak pendakwa untuk mengemukakannya sebagai keterangan dalam prosiding itu,

tidak kurang dari 10 hari sebelum prosiding itu bermula.

(4) Jika suatu perakuan Pengarah atau seseorang pegawai yang diberi kuasa diterima sebagai keterangan di bawah ceraian (1), orang yang kena tuduh boleh menghendaki Pengarah atau pegawai yang diberi kuasa itu dipanggil sebagai seorang saksi bagi pihak pendakwa dan diperiksa balas seolah-olah dia telah memberikan keterangan mengenai perkara-perkara yang dinyatakan dalam perakuan itu.

Komposisi kesalahan.

36. (1) Pengarah atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Pengarah secara bertulis bagi maksud itu boleh mengkompaun sebarang kesalahan terhadap Perintah ini atau sebarang peraturan yang dibuat di bawahnya yang ditetapkan sebagai suatu kesalahan yang boleh dikompaun dengan memungut daripada orang yang disyaki dengan munasabah telah melakukan kesalahan itu sejumlah wang tidak melebihi \$1,000.

(2) Setelah jumlah wang tersebut dibayar, tiada prosiding lanjut boleh diambil terhadap orang itu berkaitan dengan kesalahan tersebut.

Pengecualian.

37. Pengarah boleh sama ada buat selama-lamanya atau bagi suatu tempoh sebagaimana yang mungkin difikirkannya patut, mengecualikan mana-mana orang atau premis atau mana-mana golongan orang atau premis dari sebarang peruntukan Perintah ini atau sebarang peraturan yang dibuat di bawahnya.

Peraturan-peraturan.

38. (1) Menteri boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, membuat peraturan-peraturan yang perlu atau mustahak bagi menguatkuasakan dan melaksanakan peruntukan-peruntukan Perintah ini, termasuk penetapan apa-apa perkara yang dikehendaki untuk ditetapkan di bawah Perintah ini, dan bagi perlaksanaannya yang sewajarnya.

(2) Tanpa menjelaskan keluasan makna ceraian (1), Menteri boleh membuat peraturan-peraturan —

(a) yang menetapkan butir-butir, maklumat dan dokumen-dokumen yang akan diberikan dengan sebarang permohonan yang dibuat di bawah Perintah ini;

(b) yang menetapkan borang-borang yang akan digunakan bagi sebarang maksud di bawah Perintah ini;

(c) yang menetapkan bayaran yang akan dikenakan bagi maksud-maksud Perintah ini;

(d) yang mengadakan peruntukan bagi —

(i) pemeriksaan premis tertakluk kepada Perintah ini dan pengangkutan yang digunakan bagi membawa binatang, daging dan produk daging; dan

(ii) pemeriksaan, penelitian dan perakuan binatang, daging dan produk daging;

(e) yang mengadakan peruntukan bagi pemberian kuasa kepada seseorang pemeriksa yang diberi kuasa, syarat-syarat yang akan dipatuhi oleh seseorang pemeriksa yang diberi kuasa dan penarikan balik sebarang pemberian kuasa tersebut;

(f) yang menetapkan kuasa-kuasa dan tugas-tugas pegawai yang diberi kuasa dan pemeriksa yang diberi kuasa;

(g) yang mengadakan peruntukan bagi perakuan daging dan produk daging yang dimaksudkan untuk dieksport dan syarat-syarat yang dibawahnya perakuan itu boleh ditarik balik;

(h) yang mengawalselia atau melarang pemberian ubat-ubatan atau bahan lain kepada binatang sebelum disembelih;

(i) yang mengawalselia atau melarang penerimaan di pusat-pusat penyembelihan binatang yang berpenyakit untuk disembelih atau pun selainnya tidak sesuai untuk digunakan dalam pengeluaran produk daging;

(j) yang mengawalselia cara bagaimana binatang yang dimaksudkan untuk disembelih, daging dan produk daging akan diangkut dari satu tempat ke satu tempat lain dan yang mengadakan peruntukan bagi pemeriksaan pengangkutan yang membawa atau dimaksudkan untuk digunakan bagi membawa binatang, daging dan produk daging;

(k) yang mengawalselia dan mengawal pemprosesan dan pembungkusan daging dan produk daging di bangunan pemprosesan yang dilesenkan di bawah Akta Lesen Rampaian (Penggal 127);

(l) yang menetapkan kehendak-kehendak bagi pendinginan, penyekujuk dan penyimpanan apa-apa daging dan produk daging dan

yang mengadakan peruntukan bagi kebenaran apa-apa bahan yang digunakan dalam membungkus apa-apa produk;

(m) yang mengawalselia —

- (i) pembinaan, pencahayaan, pengudaraan, suhu udara, pembersihan, saliran, bekalan air, penyenggaraan dan pengurusan baik premis tertakluk kepada Perintah ini;
- (ii) pembinaan, pembersihan dan penyenggaraan semua lekapan, alat, instrumen, perkakas dan benda lain yang berhubung kait atau digunakan dengannya atau yang berhubung kait dengan pengurusannya; dan
- (iii) kehendak-kehendak kebersihan yang akan dipatuhi oleh atau berkenaan dengan mana-mana orang yang bekerja di dalam premis tertakluk kepada Perintah ini, setakat mana yang berkenaan dengan pakaian, kelakuan dan kesihatan orang itu;

(n) yang mengawalselia dan mengawal penggunaan bahan kimia, ubat-ubatan dan bahan lain kepada daging dan produk daging dan penggunaan ramuan dalam memproses daging dan produk daging;

(o) yang menghendaki maklumat tentang jenis dan kuantiti sebarang bahan kimia, ubat-ubatan atau bahan lain yang telah digunakan kepada apa-apa daging atau produk daging atau sebarang ramuan yang telah digunakan dalam memproses apa-apa daging atau produk daging yang akan ditunjukkan dalam label produk tersebut;

(p) yang menetapkan cara menangani binatang yang berpenyakit atau pun selainnya tidak sesuai untuk digunakan dalam pengeluaran daging dan produk daging;

(q) yang menghendaki bahawa apa-apa daging atau produk daging yang dimaksudkan untuk dieksport hendaklah menepati kehendak-kehendak negara, wilayah atau tempat di mana ia akan dieksport, dan yang melarang atau menyekat pengeksportan apa-apa produk tersebut melainkan jika kehendak-kehendak yang ditetapkan dipatuhi;

(r) yang mengadakan peruntukan bagi pengendalian dan rawatan binatang hidup yang dimaksudkan untuk disembelih bagi makanan manusia;

(s) yang mengadakan peruntukan bagi standard untuk menyiang binatang yang disembelih di pusat-pusat penyembelihan berlesen;

(t) yang menetapkan prosedur bagi pengambilan dan penganalisisan sampel di bawah Perintah ini;

(u) yang menetapkan kesalahan-kesalahan yang boleh dikompaun dan cara dan prosedur yang menurutnya kesalahan-kesalahan bolch dikompaun; dan

(v) yang memberi kuasa kepada Pengarah untuk mengeluarkan arahan sebagaimana yang mungkin dianggapnya perlu bagi kawalan dan pengurusan yang sempurna pusat-pusat penyembelihan atau bagi apa-apa perkara yang berhubung kait dengan peruntukan-peruntukan Perintah ini;

(w) untuk memasukkan peruntukan-peruntukan bersampingan, berbangkit dan tambahan sebagaimana yang dianggapnya perlu atau mustahak.

(3) Menteri boleh, dalam membuat sebarang peraturan, mengadakan peruntukan bahawa sebarang pelanggaran, atau kegagalan atau kelalaian untuk mematuhi, sebarang peruntukan peraturan-peraturan itu atau sebarang arahan yang dikeluarkan oleh Pengarah menurut peraturan-peraturan itu adalah menjadi suatu kesalahan dan boleh menetapkan kesalahan yang boleh dikenakan hukuman denda, kecuali bahawa denda itu tidak boleh melebihi bagi mana-mana satu kesalahan jumlah wang sebanyak \$10,000 dan, dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, jumlah wang sebanyak \$100 bagi setiap hari atau sebahagiannya selama mana kesalahan itu berterusan selepas disabitkan kesalahan.

Diperbuat pada hari ini 27 haribulan Safar, Tahun Hijrah 1432 bersamaan dengan 1 haribulan Februari, 2011 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**